Kosmo! 1 TAHUN
MediaMulia SDN BHD



Mohd. Zuki berucap melancarkan Persidangan Digital Sektor Awam Tahun 2021 secara maya hari ini.

# E2E sektor awam capai tahap 57.02 peratus

Oleh MOHD. HUSNI MOHD. NOOR 19 Ogos 2021, 11:52 am

PUTRAJAYA – Pencapaian perkhidmatan dalam talian sepenuhnya atau E2E bagi sektor awam ketika ini sudah mencapai tahap 57.02 peratus setakat 31 Julai lalu.

Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd. Zuki Ali berkata, kerajaan menetapkan sasaran 80 peratus perkhidmatan kerajaan dalam talian dari peringkat awal ke akhir menjelang 2025 seperti ditetapkan Rangka Kerja MyDigital.

Beliau berkata, kerajaan juga bersetuju menetapkan penambahan lima peratus daripada perkhidmatan E2E semasa sebagai Indeks Prestasi Utama (KPI) 2021 Tier-1 bagi penjawat utama perkhidmatan awam.

"Penetapan ini bertujuan memberi nilai tambah dan memperkasakan lagi penyampaian perkhidmatan kepada pelanggan dan meningkatkan kecekapan tadbir urus dalaman agensi," katanya ketika berucap melancarkan Persidangan Digital Sektor Awam Tahun 2021 secara maya, di sini hari ini. -K! ONLINE